

Bengkel penggredan KUTKM

Archival News | Berita Harian | 22/02/2003

SERAMAI 29 kakitangan pentadbiran dan sokongan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), menghadiri bengkel pengurusan penggredan semula perjawatan di Hotel Sofitel Palm Resort, Johor Bahru, mulai Rabu lalu berakhir semalam.

Bengkel tiga hari itu dianjurkan Pejabat Pendaftar KUTKM yang antara lain bertujuan untuk menjelaskan penggredan semula jawatan hal ehwal pentadbiran, khususnya yang membabitkan skim perkhidmatan pentadbiran dan sokongan.

Penolong Pendaftar Canselori, Marsita Mohd Taib, berkata sepanjang bengkel berkenaan, peserta didedahkan dengan maklumat terbaru, khususnya membabitkan penggelaran semula jawatan di bawah skim Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Katanya, di bawah SSM, skim perkhidmatan pentadbiran dan sokongan (N), perkhidmatan kewangan (W), perkhidmatan sosial (S), perkhidmatan maklumat (F) dan perkhidmatan kejuruteraan (J), tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan perkhidmatan pendidikan (DS) dalam sesebuah universiti.

(END) Source : Berita Harian